



BUKU PANDUAN PASANGAN TENTERA UDARA DIRAJA BRUNEI

Hak Cipta © 2023 oleh Kementerian Pertahanan, Brunei Darussalam

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian buku ini ada dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam.

Edisi Pertama 2023

Untuk komen dan cadangan, sila hubungi kami di:
rbairfspouse@mindef.gov.bn

Kumpulan Penyunting

Ketua Penyunting

Mejar (U) Pg Mohd Ady Hafriz bin Pg Mohd Yusof

Penyumbang

Mejar (U) Pg Mohd Khairum bin Pg Hj Sulaiman

Mejar (U) Muhammad Firdaus bin Hj Md Yusof

Mejar (U) Awang Muhammad Yusra bin Jafar

Mejar (U) Pg Mohd Ajijol Nijam bin Pg Omar

Major (U) Noraisah binti Hj Abdul Fatra

Kapten (U) Mohammad Aliff bin Haji Zulkifli

Kapten (U) Noraqidah binti Efinddi

Kapten (U) Maslia binti Nirus

Kapten (U) Pg Nizamuddin bin Pg Hj Malik Sharun

Kapten (U) Muhammad Al-Hafiiz bin Hj Jambol

Grafik & Susun Atur

Leftenan (U) Md Hafizuddin bin Haji Rosli

Leftenan (U) Hjh Anis Sabrina binti Hj Yahya

Isi Kandungan

ORGANISASI

Visi, Misi dan Peranan	08
Nilai Teras	09
Sejarah	10
Logo	11
Struktur Organisasi	12

SUMBER MANUSIA

Peranan	14
Perkembangan Kerjaya	15
Tugasan Utama, Tambahan dan Sampingan	16

SUMBER PASANGAN

Protokol	18
Pakaian	20
Adab Mes	23
Badan Kebajikan Isteri-isteri ABDB (BAKTI)	24

MAKLUMAT TAMBAHAN

Panduan Pangkat Tentera Udara	26
Tier Protokol dalam Tentera Udara	27
Mes dan Klub Koperal TUDB	28
Tarikh-tarikh Penting Tahunan	29
Keselamatan Operasi	30
Masa Tentera	31
Kemudahan dan Perkhidmatan	32
Terma dan Akronim	37
Laman Web, Sumber dan Butiran Hubungan Yang Berguna	39



Selamat datang ke keluarga Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB).

Anda, pasangan tentera, adalah nadi Tentera Udara kami. Anda adalah penting untuk kejayaan dan kekuatan organisasi kami.

Kami berharap panduan ini membantu menjawab soalan anda dan menghubungkan anda dengan maklumat dan sumber untuk meneroka cara hidup kami dengan jayanya.

Mengenai Buku Ini

Pasangan suami isteri sentiasa menjadi asas sokongan kepada tentera. Mereka adalah kesinambungan untuk rumah, kesihatan, dan keluarga.

Pasangan membolehkan kami melaksanakan tugas dengan pengetahuan dan keyakinan bahawa mereka akan sentiasa menyokong kami. Apabila anggota bertugas atau dalam operasi, pasangan mengambil peranan tambahan sebagai ibu atau bapa, menjaga keluarga. Tanpa sokongan mereka, kami - sebagai anggota angkatan tentera - tidak akan berjaya.

Buku panduan ini direka untuk membantu pasangan menjadi ahli keluarga TUDB dan menyediakan banyak maklumat dan sumber. Ia direka untuk membantu mereka mengetahui lebih lanjut tentang organisasi dan lebih memahami tugas pasangan mereka sebagai anggota tentera.

Walaupun buku ini memberi tumpuan kepada pasangan, maklumat yang terdapat didalam buku ini mungkin juga berguna untuk ibu bapa anggota-anggota bujang.



ORGANISASI

Visi

Tentera Udara yang Cekap, Responsif dan Efisien dalam Penggunaan Sumber.

Misi

Menyediakan Kuasa Udara dalam Pertahanan Negara Brunei Darussalam dan Kepentingannya.

Peranan



Memelihara Ruang Udara Negara

Memantau Sempadan Pentadbiran dan Maritim



Membantu dalam Pertahanan Darat

Membantu dalam Pertahanan Maritim



Membantu dalam Tugas-tugas Negara

Nilai-nilai Teras

Budaya organisasi TUDB adalah berdasarkan nilai-nilai teras TUDB. Nilai-nilai ini membentuk dan menentukan watak anggota TUDB, tidak kira sama ada semasa atau di luar waktu bertugas.

Komitded

Mengutamakan tindakan tidak mementingkan diri dalam menyediakan perkhidmatan untuk orang lain sebelum keperluan sendiri.

Berpasukan

Tindakan gabungan yang cekap dan berkesan bagi organisasi.

Cemerlang

Sentiasa menuju kepada kecemerlangan dalam melaksanakan tugas.

Untuk maklumat lanjut, klik pada link [berikut](#).



Sejarah

Kelahiran penerbangan di Negara Brunei Darussalam bermula dengan usaha awal kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan perubatan ke kawasan pendalaman. Syarikat *Worldwide Helicopter* telah dikontrak untuk menerbangkan doktor ke lokasi yang tidak dapat diakses melalui jalan raya.

Pada tahun 1966, tiga juruterbang *Royal Air Force* (RAF) dari *Great Britain* mengambil alih peranan tersebut, menandakan kelahiran Tentera Udara. Pada tahun berikutnya, Lt Ak Abidin bin Pg Ahmad and Lt Jocklin bin Kungpaw menjadi dua juruterbang tempatan pertama yang menjalani latihan asas penerbangan di *United Kingdom*.

Selama bertahun-tahun, organisasi itu berkembang dengan pengenalan pelbagai pesawat dan aset.

Hari ini, TUDB terus menjadi entiti penerbangan utama Negara Brunei Darussalam, menjalankan peranannya dalam mempertahankan dan menyediakan perkhidmatan kepada Negara.

Untuk maklumat lanjut, klik pada link [berikut](#).



Logo

Mahkota melambangkan sebuah organisasi yang dikurniakan gelaran Diraja. Ianya juga menunjukkan TUDB taat setia kepada, raja dan negara.

Bulan Sabit melambangkan simbol Islam, agama rasmi negara. Ianya menunjukkan tugas dan tanggungjawab TUDB untuk memelihara dan mempertahankan agama yang berkonsepkan Melayu Islam Beraja. Didalamnya juga mengandungi tulisan jawi "Berbakti Di Angkasa" yang menjadi moto seluruh warga dalam memelihara kepentingan negara melalui udara.

Keris menunjukkan senjata tradisi bangsa melayu. Ianya juga melambangkan tugas dan peranan TUDB dalam pertahanan dan kepentingan negara.

Sayap melambangkan sebuah organisasi yang berhubung kait dengan tugas di udara.




Sayap dan **Keris** melambangkan sebuah organisasi tentera udara.

Padi melambangkan sumber bumi dan kekayaan negara yang sentiasa dilindungi.


Roundel melambangkan misi dan objektif. Tiga warna pada *roundel* menunjukkan tiga bahagian misi dan objektif yang berbeza. Warna biru bagi misi dan objektif TUDB, warna merah bagi ABDB dan warna putih bagi Negara Brunei Darussalam.

Struktur Organisasi





SUMBER MANUSIA



Peranan

TUDB terdiri daripada anggota-anggota yang bertugas mengikut pelbagai bidang pekerjaan dan kepakaran:

Pegawai

Juruterbang

Ketua Misi *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV)

Pegawai Bomba

Pegawai Gaji

Pegawai Kejuruteraan

Pegawai Kenderaan Pasukan

Pegawai Lojistik

Pegawai PATDU

Pegawai Pergerakan Udara

Pegawai Perhubungan

Pegawai Pertahanan Pangkalan

Pegawai Pertahanan Udara

Pegawai Polis Pasukan

Pengawal Trafik Udara

Pegawai Turus

Lain-lain Peringkat

Anak Buah Pesawat

Pengawal Ruang Udara

Anggota Bomba

Pertahanan Pangkalan

Anggota Kenderaan Pasukan

Pertahanan Udara

Anggota Lojistik

Pengendali UAV

Anggota PATDU

Polis Pasukan

Anggota Semboyan

Teknisyen *Armament*

Flight Line Mechanic

Teknisyen Avionik

Jurulatih Jasmani

Teknisyen Peralatan *Ground Support*

Kerani

Teknisyen Pesawat dan Enjin

Kerani Gaji

Teknisyen *Survival Equipment Section*

Pakar Pergerakan Udara

Perkembangan Kerjaya

Perkembangan Kerjaya bagi anggota TUDB ditadbir melalui Badan Perkembangan Kerjaya.

Untuk menaiki pangkat, anggota-anggota perlu menghadiri kursus-kursus wajib dan lulus dalam semua ujian ketenteraan tahunan. Faktor lain termasuk prestasi kerja dan sumbangan.

Selain itu, pegawai-pegawai dikehendaki menghadiri dan lulus peperiksaan kenaikan pangkat, yang hanya layak bagi mereka yang lulus Ujian Kelayakan Asas.

Tugasan Utama, Tambahan dan Sampingan

Sebagai anggota tentera, pasangan anda akan diberikan pelbagai peranan dan tanggungjawab.

Utama

Tugas yang selaras dengan spesifikasi tugas mereka. Tugas-tugas ini mencerminkan peranan mereka sehari-hari.

Tambahan


Tugas-tugas yang melengkapi spesifikasi kerja mereka seperti pelantikan tambahan untuk menambah fungsi skuadron mereka.

Sampingan

Tugas yang terkeluar daripada spesifikasi kerja mereka seperti pengurus pasukan untuk pasukan sukan TUDB.



SUMBER PASANGAN



Protokol

Sepanjang kerjaya pasangan anda, anda akan dijemput untuk menghadiri pelbagai majlis dan acara. Majlis dan acara ini akan memerlukan pemahaman protokol. Mengetahui protokol boleh membantu anda berasa selesa dan yakin semasa kehadiran anda.

Lagu Kebangsaan

Apabila Lagu Kebangsaan diumumkan: **berdiri, dan menyanyi jika sesuai.**

Jangan bercakap, makan, atau mengalih perhatian daripada persembahan Lagu Kebangsaan.

Tempat Duduk

Semasa acara tertentu, anda akan dikehendaki duduk mengikut susunan tempat duduk yang telah ditetapkan. Pelan tempat duduk akan disediakan sebelum acara.

Panji-Panji

Apabila panji-panji diarak masuk dan keluar, anda dikehendaki berdiri.

Adab Bertutur yang Betul

Apabila bertutur dengan orang lain, adalah kebiasaan untuk memanggil mereka berdasarkan pangkat dan gelaran.

Semasa Berada Bersama Kerabat Diraja

Elakkan memakai pakaian berwarna kuning.

Bercakap menggunakan terasul yang betul (lihat muka surat sebelah). Apabila ragu-ragu, anda boleh bercakap dalam bahasa Inggeris dan memanggil ahli Kerabat Diraja sebagai "Your Majesty" atau "Your Highness".

Terasul

Bila bertutur dengan mana-mana ahli Kerabat Diraja, ada baiknya menggunakan terasul yang betul.

	Pembungkus Kalimat	Gelaran	Ganti Nama Diri
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan	Ampun Beribu-ribu Ampun	Kebawah Duli Tuan Patik	Hamba Kebawah Duli Tuan Patik
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha	Ampun Beribu-ribu Ampun	Kebawah Duli Tuan Patik	Hamba Kebawah Duli Tuan Patik
Duli Pengiran Muda Mahkota	Beribu Ampun	Duli Tuanku	Hamba Duli Tuanku
Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah	Beribu Ampun	Duli Tuanku	Hamba Duli Tuanku
Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Malik	Beribu Ampun	Duli Tuanku	Hamba Duli Tuanku
Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Mateen	Beribu Ampun	Duli Tuanku	Hamba Duli Tuanku
Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Wakeel	Beribu Ampun	Duli Tuanku	Hamba Duli Tuanku
Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir	Beribu Ampun	Duli Tuanku	Hamba Duli Tuanku
Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara	Beribu Ampun	Duli Tuanku	Hamba Duli Tuanku
Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Di-Gadong	Beribu Ampun	Duli Tuanku	Hamba Duli Tuanku

Pakaian

Apabila menghadiri pelbagai acara, pasangan akan dikehendaki mematuhi kod pakaian. Berikut adalah garis panduan untuk pakaian semasa acara tersebut.

Istiadat Barisan Kehormatan

Lelaki

Cara Melayu Sepangadak Hitam

Perempuan

Baju Kurung atau Kebaya Hitam (Tanpa Kain Kapit)

Bintang-Bintang Kebesaran dan Pingat-Pingat Kehormatan dipakai (Saiz besar)



Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam

Lelaki

Cara Melayu Sepangadak Hitam

Perempuan

Baju Kurung atau Kebaya Hitam (Kain Kapit)

Bintang-Bintang Kebesaran dan Pingat-Pingat Kehormatan dipakai (Saiz besar)



Majlis Persantapan Diraja

Lelaki

Cara Melayu Sepangadak Putih

Perempuan

Baju Kurung atau Kebaya Putih (Tanpa Kain Kapit)

Bintang-Bintang Kebesaran dan Pingat-Pingat Kehormatan dipakai (Saiz kecil)



Majlis Istiadat Perkahwinan Diraja

Majlis Istiadat Menghantar Tanda Diraja dan Pertunangan Diraja & Majlis Istiadat Menerima Tanda Diraja dan Pertunangan Diraja

Lelaki

Cara Melayu Sepangadak Hitam

Perempuan

Baju Kurung atau Kebaya Sepangadak Hitam (Kain Kapit)



Majlis Berbedak Pengantin Diraja

Lelaki

Cara Melayu Sepangadak Putih

Perempuan

Baju Kurung atau Kebaya Putih (Kain Kapit)

Bintang-Bintang Kebesaran dan Pingat-Pingat Kehormatan dipakai (Saiz kecil)



Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja

Lelaki

Cara Melayu Sepangadak Hitam

Perempuan

Baju Kurung atau Kebaya Hitam (Kain Kapit)

Bintang-Bintang Kebesaran dan Pingat-Pingat Kehormatan dipakai (Saiz besar)



Majlis Makan Malam Beradat

Lelaki

Lounge Suit

Perempuan

Baju Kurung atau Kebaya (Warna bebas)



Adab Mes

Makan Malam Beradat diadakan untuk meraikan kemasukan ahli baru, ahli-ahli yang akan bersara dan meraikan majlis-majlis penting dalam suasana rejimental.


Kelakuan di Meja Mes

Makan Malam Beradat adalah majlis rasmi, oleh itu, peraturan khas perlu dipatuhi:

- Para jemputan tidak boleh memulakan makan sebelum meja utama (“Top Table”) telah dihidangkan dan memulakan hidangan mereka.
- Para jemputan tidak dibenarkan bercakap selepas PMC memanggil perhatian sehingga dia selesai bercakap.
- Para jemputan tidak dibenarkan meninggalkan meja semasa makan kecuali diberi kebenaran oleh PMC.

Susunan Meja

Rajah dibawah menunjukkan sususan kebiasaan untuk *four course meal*.



Badan Kebajikan Isteri-isteri ABDB (BAKTI)

BAKTI TUDB merupakan sebuah cawangan di dalam lingkungan BAKTI, yang terdiri daripada isteri-isteri pegawai dan pegawai wanita TUDB. BAKTI TUDB diketuai oleh Isteri kepada Pemerintah TUDB, manakala Pemerintah TUDB adalah selaku penasihat.

BAKTI berperanan sebagai pemberi sokongan/dorongan, kebajikan serta aktiviti-aktiviti sosial untuk anggota ABDB dan ahli keluarga mereka. Badan ini menawarkan hubungan persahabatan di kalangan para-para Isteri malahan lebih jauh lagi dapat mengukuhkan ikatan persaudaraan dikalangan komuniti tentera, disamping itu sebagai ahli BAKTI juga boleh memberikan faedah yang sangat menarik dari pelbagai sudut usaha, majlis-majlis dan aktiviti-aktiviti seperti program-program pendidikan, usaha-usaha mengenai kecantikan dan kesihatan, kemasyarakatan, perkumpulan sosial dan kerja-kerja amal.

Apabila seorang Pegawai TUDB Lelaki telah berkahwin, Isteri kepada Pegawai tersebut akan secara langsung menjadi ahli BAKTI. Perkara yang sama juga boleh dikatakan bagi PTB Kanan tidak bertauliah yang telah dinaikkan pangkat ke jawatan Sarjan Mejar Kawad (DSM) (dan ke atas) bahawa isteri-isteri mereka juga akan termasuk sebagai ahli BAKTI.



MAKLUMAT TAMBAHAN



Panduan Pangkat Tentera Udara

Pegawai



Pegawai
Kadet (U)



Leftenan (U)



Kapten (U)



Mejar (U)



Leftenan
Kolonel (U)



Kolonel (U)



Brigedier
Jeneral (U)



Mejar
Jeneral (U)



Leftenan
Jeneral (U)



Jeneral (U)



Marsyal
Tentera
Udara

Lain-lain Peringkat



Lans
Koperal (U)



Koperal (U)



Sarjan (U)



Staf
Sarjan (U)



Pegawai
Waran II (U)



Pegawai
Waran I (U)



Sarjan Mejar
Tentera Udara

Tier Protokol Tentera Udara

Tier protokol menetapkan keutamaan untuk susunan dan pangkat kepimpinan TUDB untuk acara rasmi seperti susunan tempat duduk.

TIER 1

- 1 Timbalan Pemerintah TUDB
- 2 Pemerintah Kumpulan Gerakan
- 3 Ketua Staf
- 4 Pemerintah Kumpulan Bantu
- 5 Ketua Unit Inspektorat

TIER 2

- 6 Pegawai Pemerintah, Cawangan No 1
- 7 Pegawai Pemerintah, Cawangan No 2
- 8 Pegawai Pemerintah, Cawangan No 3
- 9 Pegawai Pemerintah, Cawangan No 4
- 10 Pegawai Pemerintah, Cawangan No 5
- 11 Pegawai Pemerintah, Cawangan No 6
- 12 Pegawai Pemerintah, Cawangan No 7
- 13 Ketua Sel Perkembangan Keupayaan Tentera
- 14 Ketua Piawaian dan Penilaian Penerangan
- 15 Penolong Ketua Staf A1
- 16 Penolong Ketua Staf A2
- 17 Penolong Ketua Staf A3
- 18 Penolong Ketua Staf A4
- 19 Penolong Ketua Staf A5
- 20 Penolong Ketua Staf A6
- 21 Penolong Ketua Staf A7

TIER 3

Anggota yang berpangkat Mejar dan ke bawah, mengikut kekananan.

Mes dan Kelab Koperal TUDB

Mes

Mes melambangkan persekitaran rejimental untuk ahli berkumpul dan bersosial. Ia diuruskan oleh Jawatankuasa Mes yang diketuai oleh Presiden (*President of the Mess Committee - PMC*). Jawatankuasa ini akan sentiasa menganjurkan aktiviti untuk menggalakkan kemesraan dan semangat kebersamaan di kalangan ahli. TUDB merangkumi pelbagai Jawatankuasa Mes; Mes Pegawai (untuk Pegawai di semua peringkat), dan Mes Pegawai Waran, Staf Sarjan dan Sarjan (untuk anggota dari pangkat Sarjan sehingga Pegawai Waran).

Bil Mes

Untuk memastikan penyelenggaraan Mes, ahli perlu membayar yuran bulanan untuk pelbagai dana seperti Kebajikan, Hiburan dan Sukan.

Kelab Koperal

Kelab Koperal berfungsi sama seperti Mes. Anggota terdiri daripada anggota-anggota sehingga pangkat Koperal.

Tabung Kelab Koperal

Berbeza dengan Mes Bill, ahli Kelab Koperal hanya perlu membayar yuran tahunan.

Tarikh-tarikh Penting Tahunan

- | | |
|-------------|--|
| 23 Februari | – Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam |
| 31 Mei | – Hari Ulang Tahun ABDB |
| 24 Jun | – Hari Ulang Tahun TUDB |
| 15 Julai | – Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam |

Tarikh-Tarikh Tegahan Cuti

Anggota TUDB tidak dibenarkan bercuti pada jangka masa tarikh-tarikh berikut:

Hari Kelepasan Awam

- 23 Februari (Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam)
- 31 Mei (Hari Ulang Tahun ABDB)
- 15 Julai (Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam)

Upacara Khas


- Upacara khas peringkat negara seperti apabila Negara Brunei Darussalam mempengerusikan Sidang Kemuncak ASEAN
- Eksesais ketenteraan peringkat ABDB atau TUDB

Keselamatan Operasi

Keselamatan Operasi ataupun *Operations Security* (OPSEC) bermakna melindungi maklumat sensitif daripada orang lain. Pada masa ini, ancaman terbesar kepada OPSEC adalah maklumat yang dikongsi dalam talian, terutamanya melalui **media sosial**.

Elakkan dari mengongsikan:

- Maklumat khusus tentang pekerjaan, misi atau tugas pasangan anda.
- Tarikh dan lokasi penugasan.
- Maklumat tentang peralatan unit.
- Jadual penugasan atau perjalanan.
- Imej yang menggambarkan organisasi secara negatif.



Masa Tentera

Masa tentera merupakan kaedah mengira masa berdasarkan dua puluh empat jam penuh sehari dan bukannya dua kumpulan dua belas jam.

Menggunakan masa tentera hanya meninggalkan keperluan untuk menggunakan AM dan PM dan mengelakkan sebarang kekeliruan pada separuh hari yang anda rujuk. Sama seperti jam digital 12 jam, masa tentera sentiasa dipaparkan dalam empat digit. Dua digit pertama mewakili jam dan dua digit terakhir mewakili minit.

1:00 am = 0100	1:00 pm = 1300
2:00 am = 0200	2:00 pm = 1400
3:00 am = 0300	3:00 pm = 1500
4:00 am = 0400	4:00 pm = 1600
5:00 am = 0500	5:00 pm = 1700
6:00 am = 0600	6:00 pm = 1800
7:00 am = 0700	7:00 pm = 1900
8:00 am = 0800	8:00 pm = 2000
9:00 am = 0900	9:00 pm = 2100
10:00 am = 1000	10:00 pm = 2200
11:00 am = 1100	11:00 pm = 2300
12:00 am = 1200	12:00 pm = 0000

Kemudahan dan Perkhidmatan

Pasangan dan ahli keluarga berhak menggunakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan yang terdapat di Pangkalan Tentera Udara Rimba serta kem ABDB yang lain.

Klinik Keluarga, Kompleks Kesihatan Bolkiah Garison

Pasangan dan ahli keluarga boleh melapor ke Klinik Keluarga Bolkiah Garison untuk perkhidmatan kesihatan.



Waktu Beroperasi: Isnin – Jumaat
24 jam **No Tel:** 2386347/267/269

Pusat Pergigian TUDB, Pangkalan Tentera Udara Rimba

Pasangan dan anak-anak yang berumur 18 tahun ke atas boleh mengunjungi Pusat Pergigian TUDB untuk rawatan pergigian.



Waktu Beroperasi: Isnin – Jumaat
07:30 pagi – 04:30 petang **No Tel:** 2348298

Pusat Pergigian Perkhemahan Berakas, Perkhemahan Berakas

Bagi kanak-kanak di bawah umur 18 tahun, rawatan pergigian disediakan di Pusat Pergigian Perkhemahan Berakas



Waktu Beroperasi: Isnin – Jumaat
07:30 pagi – 04:30 petang **No Tel:** 2311247
7439812

Kemudahan dan Perkhidmatan

Sel Kesejahteraan Unit (SKU) TUDB

SKU TUDB menyediakan sistem sokongan barisan hadapan untuk pengurusan kebijakan kakitangan. Sekiranya bantuan profesional diperlukan, pelanggan akan dirujuk ke Pusat PRIHATIN ABDB.

Waktu Beroperasi:
Isnin – Jumaat
07:30 pagi – 04:30 petang

No Tel: 2348143 **Emel:** Kaunseling.tfdb@mindef.gov.bn

Pusat PRIHATIN ABDB, Bolkiah Garison

Pusat PRIHATIN ABDB mempunyai kepakaran dalam menyediakan kaunseling asas dan profesional untuk memastikan kesejahteraan anggota dan ahli keluarga ABDB.



Perkhidmatan yang disediakan termasuk Kaunseling Individu dan Keluarga, Kaunseling Perkahwinan, Nasihat dan Bimbingan Agama, Nasihat Kewangan, Nasihat Undang-undang Keluarga Islam dan Nasihat Undang-undang.

Waktu Beroperasi:
Isnin – Jumaat
07:30 pagi – 04:30 petang

No Tel: 2386143 **Emel:** pusatprihatin@mindef.gov.bn

Kemudahan dan Perkhidmatan

Jabatan Agama ABDB (JAMA'AT)

JAMA'AT bertanggungjawab untuk pendidikan agama di dalam ABDB. Ianya juga menyediakan pelbagai perkhidmatan seperti Pengislaman Islam, Persiapan Pengkebumian Islam, Bimbingan Umum Islam dan Perkhidmatan Amil.

Maklumat tambahan boleh didapati di laman web.

Web:

agamaabdb.mindf.gov.bn

No Tel:

2315254

Emel:

jamaat@mindf.gov.bn

Kelas Mengaji @ Surau Al-Barakah, Pangkalan Tentera Udara Rimba

Surau Al-Barakah dibuka untuk kegunaan orang ramai dan turut menyediakan kelas mengaji untuk kanak-kanak.



Borang pendaftaran boleh didapati di surau tersebut.

Waktu Kelas:

Jumaat

08:30 pagi – 10:30 pagi

Kemudahan dan Perkhidmatan

Kompleks Sukan TUDB, Pangkalan Tentera Udara Rimba

Kompleks sukan ini mempunyai trek dan padang, gelanggang serbaguna, gymnasium dan kolam renang.



Trek dan Gelanggang

Kolam Renang

Gym

Kemasukan ke Kompleks Sukan memerlukan iringan pasangan tentera anda.

Waktu Beroperasi:

Isnin – Jumaat

06:30 pagi – 11:30 pagi

02:00 petang – 09:00 malam

Sabtu – Ahad

03:00 petang – 06:00 petang

Saddle Club ABDB, Perkhemahan Berakas

Kelab Pelana ABDB menyediakan aktiviti menunggang kuda termasuk pelajaran peribadi.



Sila hubungi Talian Kelab Pelana untuk mendapatkan Caj Menunggang dan yuran keahlian terkini.

Waktu Beroperasi:

Isnin – Ahad

08:00 pagi – 12:00 petang

02:00 petang – 06:00 petang

No Tel/

Whatsapp:

7116598

Emel:

rbafsaddle@mindef.gov.bn

Kemudahan dan Perkhidmatan

Perpustakaan & Pusat Maklumat Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison

Perpustakaan & Pusat Maklumat Kementerian Pertahanan menyediakan sumber maklumat untuk anggota ABDB dan Kementerian Pertahanan termasuk pelbagai kemudahan untuk keluarga seperti Perpustakaan Kanak-kanak.

Waktu Beroperasi:

Isnin – Khamis

08:00 pagi – 06:00 petang

Jumaat

08:00 pagi – 11:30 pagi

02:30 petang – 05:00 petang

Sabtu

08:00 pagi – 12:00 petang

No Tel:

2385588

Emel:

library@mindef.gov.bn

Whatsapp:

8759289

Web:

<https://www.mindef.gov.bn/library>

Koperasi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Dengan Tanggungan Berhad (KOWIRA DTB)

Sebagai sebuah Perbadanan ABDB, KOWIRA DTB menyediakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan untuk anggota tentera dan ahli keluarga termasuk pasar mini, insurans, dobi dan katering.

Lawati Instagram Kowira DTB untuk maklumat lanjut mengenai pelbagai perkhidmatan yang ditawarkan.

Instagram:

https://www.instagram.com/kowira_dtb

Terma and Akronim

A		I	
ABDB	Angkatan Bersenjata Brunei	Diraja IFA	<i>Individual Fitness Assessment</i>
ACOS	<i>Assistant Chief of Staff</i>	J	
AFSM	<i>Air Force Sergeant Major</i>	JAMAAT	Jabatan Agama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
AMC	<i>Air Movement Center</i>		
C		K	
CAF	<i>Chief of Air Force</i>	KS	Ketua Staf
CDC	<i>Capability Development Cell</i>	L	
CFT	<i>Combat Fitness Test</i>	LP	<i>Landing Point</i>
CO	<i>Commanding Officer</i>	M	
COG	<i>Commander Operations Group</i>	MINDEF	<i>Ministry of Defence</i>
COS	<i>Chief of Staff</i>	MRS	<i>Medical Reception Service</i>
CRP	<i>Crew Rest Period</i>	MST	<i>Military Swimming Test</i>
CSG	<i>Commander Support Group</i>		
D		N	
D2P	<i>Digital Disruptive Pattern</i>	NCO	<i>Non-Commissioned Officer</i>
DCAF	<i>Deputy Chief of Air Force</i>	O	
DSM	<i>Drill Sergeant Major</i>	OC	<i>Officer Commanding</i>
E		OPSEC	<i>Operational Security</i>
EngO	<i>Engineering Officer</i>	P	
F		PATDU	<i>Parachute Airborne Tactical Delivery Unit</i>
FLM	<i>Flight Line Mechanic</i>	PKS	Penolong Ketua Staf
G		PRIHATIN	Penjagaan Rapi Ihsanat Anggota Tentera Iltizam Negara
GSE	<i>Ground Support Equipment</i>	PTB	Pegawai Tidak Bertauliah
H		PTI	<i>Physical Training Instructor</i>
HQ	<i>Headquarters</i>		

Terma and Akronim

Q

QFI	<i>Qualified Flying Instructor</i>
QHI	<i>Qualified Helicopter Instructor</i>

R

RBAF	<i>Royal Brunei Armed Forces</i>
RBAirF	<i>Royal Brunei Air Force</i>
RP	<i>Regimental Police</i>
RSM	<i>Regiment Sergeant Major</i>

S

SES	<i>Survival Equipment Section</i>
SEngO	<i>Senior Engineering Officer</i>
SMTU	<i>Sarjan Mejari Tentera Udara</i>
SNCO	<i>Senior Non Commissioned Officer</i>
SOP	<i>Standard Operating Procedure</i>
Sortie	<i>A flight or single flying mission</i>
Squadron	<i>An Air Force unit</i>

T

TUDB	<i>Tentera Udara Diraja Brunei</i>
------	------------------------------------

U

UAK	<i>Ujian Air Kencing</i>
UAS	<i>Unmanned Aerial System</i>
UAV	<i>Unmanned Aerial Vehicle</i>

W

WSM	<i>Wing Sergeant Major</i>
-----	----------------------------

Laman Web, Sumber dan Butiran Hubungan Yang Berguna

Kementerian Pertahanan

Web: www.mindef.gov.bn

Instagram: [mindefbrunei](https://www.instagram.com/mindefbrunei)

Pusat PRIHATIN ABDB

No Tel: 2386143

Web:
www.mindef.gov.bn/SitePages/
[Pusat PRIHATIN ABDB.aspx](http://www.mindef.gov.bn/Pusat%20PRIHATIN%20ABDB.aspx)

Muat turun Buku Panduan Kesejahteraan ABDB disini:
[www.mindef.gov.bn/Buku Program/](http://www.mindef.gov.bn/Buku%20Program/)

[RBAF Well-Being Guidebook.pdf](http://www.mindef.gov.bn/RBAF%20Well-Being%20Guidebook.pdf)

Tentera Udara Diraja Brunei

Web: www.mindef.gov.bn/airforce

Instagram: [rbairfbrunei](https://www.instagram.com/rbairfbrunei)

JAMA'AT

No Tel: 2315254

Emel: jamaat@mindef.gov.bn
Web:
<http://agamaabdb.mindef.gov.bn/>

Butiran Perhubungan Berguna

Am

Talian Operator TUDB	2348000
Pusat Gerakan Udara	2348410

Perkhidmatan Kesihatan

Klinik Keluarga ABDB	2386347 / 267 / 269
Pusat Kesihatan TUDB	2348303
Pusat Pergigian TUDB	2348298
Pusat Pergigian Perkhemahan Berakas	2311247

Kesejahteraan

Sel Kesejahteraan Unit TUDB	2348143
-----------------------------	---------

Kecemasan

Balai Pengawal Pangkalan Tentera Udara Rimba	2348288
Balai Bomba Pangkalan Tentera Udara Rimba	2348222

